



SUSUNAN NOMBOR



Saya susun menaik.

Saya susun menurun.




Nombor disusun semakin besar.

1	2	3	4	5	?
---	---	---	---	---	---

Tertib menaik

Bilang menurun.
5, 4, 3, 2, 1, 0.

Tertib
menurun



Nombor 2 berada
di antara nombor 1 dan 3.


Selepas nombor 5
ialah 6. Jadi, nombor 5
terletak sebelum 6.



1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2

NOTA
GURU

- Lakukan aktiviti menyusun nombor dan hari bulan lahir murid dalam tertib menaik dan tertib menurun.




a



Nombor selepas 27 ialah **28**.

Bilang menaik
satu-satu.
24, 25, 26, 27, 28.

b



Lebih 1 daripada 38 ialah .

Nombor di antara 38 dan 40 ialah .



1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2




- Bimbing murid mengaitkan konsep "lebih 1 daripada" dengan membilang secara satu-satu. Contohnya bilang satu-satu daripada 27 dapat 28.
- Jalankan aktiviti mengenal pasti nombor sebelum, selepas dan nombor di antara dengan menggunakan petak 100.

3



Berapa bola loceng yang akan dimasukkan ke dalam kotak ke-5?



Bilang menaik dua-dua.
2, 4, 6, 8, 10.

Bilangan bola loceng di dalam kotak ke-5 ialah 10.



4



Mei Ling bilang menurun dua-dua daripada 28. Apakah nombor yang tertinggal?

28	26	24	22	20	18	?
----	----	----	----	----	----	---

Nombor yang tertinggal ialah 16.
16 kurang 2 daripada 18.

1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2




- Bimbing murid membilang secara dua-dua. Gunakan anggota badan seperti kaki, tangan, mata dan telinga untuk membantu murid menguasai kemahiran ini.

5 Bilang lima-lima. Sebut nombor seterusnya.




Setiap nombor **lebih 5** daripada nombor sebelumnya.



Nombor seterusnya ialah , dan .

6 Bilang lima-lima secara menurun daripada 75 hingga 40. Apakah nombor yang tertinggal?



Nombor yang tertinggal ialah , kurang 5 daripada 50.



Lengkapkan susunan nombor ini.




1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2




- Bimbing murid membilang secara lima-lima.
- Gunakan petak 100 untuk membantu murid membilang lima-lima dengan memulakan bilangan daripada mana-mana nombor.

- 7 Bilang sepuluh-sepuluh. Berapa bilangan kumpulan ke-4?



Kumpulan ke-4 ada biji rambutan.

- 8 Bilang sepuluh-sepuluh secara menurun daripada 90 hingga 40. Apakah nombor yang tertinggal?



Kurangkan sepuluh-sepuluh.
90, 80, 70, , , 40.

Nombor yang tertinggal ialah 60 dan 50.



Sebut nombor yang tertinggal.




1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2



- Jalankan aktiviti membilang sepuluh-sepuluh daripada sebarang nombor secara berpasangan. Contoh murid pertama sebut "Bilang sepuluh-sepuluh daripada 40". Murid kedua jawab, "40, 50, 60, 70, 80, 90, 100".

9 Bilang empat-empat. Apakah nombor yang tertinggal?


a



Setiap nombor lebih 4 daripada nombor sebelumnya.



b



Bilang menurun. Nombor semakin berkurang empat-empat.



Bagaimana kamu dapat dua nombor di antara 24 dengan 36 itu?



1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2




- Bimbing murid membilang empat-empat menggunakan kalkulator. Bincangkan perubahan pada nilai tempat sa apabila setiap kali murid membilang empat-empat.

ASA MINDA



Lengkapkan.



UJI DIRI

1 Apakah nombor selepas, sebelum dan di antara?

a 4 5

b 13 14

c 29 30

d 36 37

e 40 42

f 56 58

2 Lengkapkan.

a 0 5 15 20

b 20 32 36 40

c 70 50 30 20

d 96 94 92

3 25 45 35 50 30 40

Susun kad nombor dalam:

a tertib menaik.

b tertib menurun.

1.2.2(iv)
1.5.1
1.5.2



- Layari <https://www.urbrainy.com/get.1402/extend-number-sequences-8329>
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.



POLA NOMBOR



Saya susun 2 manik merah dan 1 manik biru berulang.



Apakah pola nombor di bawah?



Pola nombor ialah 3, 8, 3, 8, 3, 8, 3, 8.

1.9.1
1.9.2



- Bimbing murid mengesan sesuatu pola nombor dan menerangkannya.
- Mulakan dengan satu pola yang mudah dan apabila murid faham minta mereka membentuk pola nombor sendiri.
- Jelaskan maksud pola ialah corak tertentu dalam satu susunan nombor.

3



3, 5, 7, 3, 5, 7, 3, 5, 7.

4

Apakah nombor seterusnya dalam pola di bawah?



Nombor 6 dan 1 disusun secara berulang. Nombor seterusnya ialah 1.

6, 1, 6, 1, 6, 1.



Lengkapkan. Terangkan polanya.



1.9.1
1.9.2



- Bimbing murid mengenal pasti pola nombor menggunakan kad gambar dan melengkapkan pola nombor.



5 Apakah pola nombor yang diwarnakan?

Saya warnakan nombor berselang-seli.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
91	92	93	94	95	96	97	98	99	100

Saya warnakan sepuluh-sepuluh.

Pola 1

2

4

6

8

10

Pola nombor bilang menaik dua-dua.

Saya susun sepuluh-sepuluh daripada 100 hingga 50.

Pola 2

100

90

80

70

60

50

Pola nombor bilang menurun sepuluh-sepuluh.

1.9.1
1.9.2



- Layari <http://prek-8.com/math/patterns/easyNumberPatterns.php>
- Imbas kembali susunan nombor dalam tertib menaik dan tertib menurun. Kaitkan kemahiran tersebut dengan pola nombor.

- 6 Kenal pasti nombor rumah. Lengkapkan polanya.



UJI DIRI

Kenal pasti pola nombor berikut. Lengkapkan.

- a
- | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|--|--|--|
| 1 | 2 | 1 | 2 | 1 | | | |
|---|---|---|---|---|--|--|--|
- b
- | | | | | | | | | |
|---|---|---|--|--|---|---|--|---|
| 3 | 4 | 5 | | | 5 | 3 | | 5 |
|---|---|---|--|--|---|---|--|---|
- c
- | | | | | | | |
|---|----|----|--|--|----|--|
| 8 | 10 | 12 | | | 18 | |
|---|----|----|--|--|----|--|
- d
- | | | | | | | |
|----|----|----|--|----|--|--|
| 90 | 80 | 70 | | 50 | | |
|----|----|----|--|----|--|--|

1.9.1
1.9.2



- Bimbing murid mengenal pasti pola nombor menggunakan kad gambar dan melengkapkan pola nombor. Bantu murid menerangkan sesuatu bentuk pola yang mereka kenal pasti.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.

BA halaman 58



KENALI ANGgaran

1 Anggarkan bilangan buku yang Faris bawa.



Bilangan buku yang Faris bawa **lebih daripada 10**.

2 Anggarkan bilangan bola di dalam kotak merah.



1.7.1



- Terangkan kepada murid bahawa anggaran ialah satu proses untuk mendapatkan nilai atau kuantiti yang hampir tepat.
- Bimbing murid membuat anggaran yang munasabah dan bukan tekaan.
- Jelaskan maksud anggaran ialah nilai atau bilangan kasar.

3 Berapa banyak butang di dalam balang biru?



Butang di dalam balang biru lebih kurang 20.




UJI DIRI

1 Anggar bilangan tomato di dalam kotak biru.

30



?



2 Anggar bilangan botol jus delima yang boleh dimuat di dalam kotak.



1.7.1

NOTA GURU

- Terangkan kepada murid semasa membuat anggaran perkataan "lebih kurang", "hampir sama", "lebih daripada" dan "kurang daripada" perlu digunakan.
- Jalankan pertandingan menganggar bilangan gula-gula di dalam satu bekas.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.


BA halaman 59



KENALI BUNDAR



Bantu arnab dapatkan lobak merah. Bundarkan 22 kepada puluh terdekat.



22 lebih dekat dengan **20** berbanding **30**.
22 dibundarkan kepada **puluh** terdekat menjadi **20**.

Arnab pilih lobak di lubang **20**.

Apa yang berlaku jika arnab di lubang 28?




1.8.1




- Jelaskan maksud bundar ialah proses menentukan nombor kepada nilai tempat terdekat.

2




a Bundarkan 67 kepada puluh terdekat.



67 lebih dekat dengan **70**.
67 dibundarkan kepada **puluh terdekat** menjadi **70**.

b Bundarkan 65 kepada puluh terdekat.



65 terletak di tengah-tengah di antara **60** dan **70**.
65 dibundarkan kepada **puluh terdekat** menjadi **70**.



Bundarkan 74, 85 dan 98
 kepada puluh terdekat.


1.8.1

NOTA GURU

- Tegaskan kepada murid bahawa nombor yang terletak di tengah-tengah di antara nombor puluh berturutan dibundarkan kepada nombor puluh yang lebih besar.

46

- 3 Apakah nombor-nombor di bawah yang menjadi 90 apabila dibundarkan kepada puluh terdekat?



85, 86, 87, 88 dan 89 dekat dengan 90.
85, 86, 87, 88 dan 89 menjadi 90 apabila dibundarkan kepada puluh terdekat.

Bolehkah nombor 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 dibundarkan kepada puluh terdekat? Bincangkan.



ASAH
MINDA



Pilih kad nombor yang menjadi 60 apabila dibundarkan kepada puluh terdekat.



1.8.1




- Tegaskan bahawa membundar ialah salah satu daripada cara untuk mendapatkan kuantiti atau nilai anggaran.

BA halaman 60 - 62



UJI DIRI

- 1 Bundarkan nombor kepada puluh terdekat.



a 44 44 dibundarkan menjadi .

b 45 45 dibundarkan menjadi .

- 2 Bundarkan nombor kepada puluh terdekat.

a 6

b 79

c 25

d 84

- 3 Pilih nombor-nombor yang menjadi 10 apabila dibundarkan kepada puluh terdekat.



- 4 Apakah nombor-nombor yang menjadi 30 apabila dibundarkan kepada puluh terdekat?





SELESAIKAN



1 Asma ingin bina nombor dua digit guna kad nombor. Berapa nombor yang dapat dibina?



Cara Lukis jadual.

Tulis digit puluh.

Kemudian, tulis digit sa.

Nombor mula dengan 7	Nombor mula dengan 5	Nombor mula dengan 2
75	57	27
72	52	25

Ada **6 nombor** semuanya.

Apakah nombor paling besar?
Apakah nombor paling kecil?



1.10.1



- Bimbing murid membina nombor daripada kad nombor yang berlainan. Galakkan murid menentukan bentuk jadual mereka sendiri seperti berapa lajur, baris dan label yang perlu dibuat.

- 2 Ali ada 45 guli.
Guli Ali lebih 5
daripada guli Kumar.
Berapa guli Kumar?



Cara Lukis rajah.



Guli Kumar kurang 5 daripada 45.



Bilang menurun 5 langkah daripada 45.



Guli Kumar ada 40.

1.10.1

NOTA
GURU

- Bantu murid memahami maklumat dalam soalan. Tekankan kepada murid bahawa mereka hanya perlu melukis satu model yang mempunyai maklumat penting untuk menyelesaikan masalah.

3 Ramesh dan Maya berbual.



Apakah jisim Ramesh yang mungkin?

Cara Teka dan uji.

- | | | |
|-------|----|------------------------------|
| Uji 1 | 31 | → 31 dibundarkan menjadi 30. |
| Uji 2 | 32 | → 32 dibundarkan menjadi 30. |
| Uji 3 | 33 | → 33 dibundarkan menjadi 30. |
| Uji 4 | 34 | → 34 dibundarkan menjadi 30. |
| Uji 5 | 35 | → 35 dibundarkan menjadi 40. |

Jisim Ramesh yang mungkin ialah **31 kg, 32 kg, 33 kg, atau 34 kg.**

- 4 Mei Lin hendak buat gelang. Dia guna manik di bawah.



Apakah pola gelang Mei Lin?

Cara

Mei Lin susun 4  dan 2  berulang-ulang.



Pola gelang Mei Lin ialah 4, 2, 4, 2, 4, 2.

Cuba kamu pula bina gelang itu.
Ceritakan polanya.



UJI DIRI

Saya ada satu nombor. Nilai digit puluh berada di antara 70 dan 90. Nilai digit sa lebih 4 daripada 5. Apakah nombor saya?

1.10.1

NOTA GURU

- Guru perlu menegaskan langkah demi langkah menyelesaikan masalah.
- Banyakkan soalan latihan dalam bentuk lembaran kerja atau kad soalan.



PROJEK SAYA

Mahir nombor

Peserta Berpasangan.

Bahan Jadual tugasan dan pensel.

Cara

- 1 Tulis satu nombor dua digit dalam angka dan perkataan.
- 2 Lengkapkan jadual tugasan.



Jadual tugasan

Nombor

- | | |
|---|--|
| 1. Ada berapa puluh? | |
| 2. Apakah nilai digit puluh? | |
| 3. Apakah nilai digit sa? | |
| 4. Tulis nombor yang lebih besar daripada nombor itu. | |
| 5. Tulis nombor yang lebih kecil daripada nombor itu. | |
| 6. Apakah nombor yang kurang 10 daripada nombor itu? | |
| 7. Bundarkan nombor itu kepada puluh terdekat. | |

- 3 Tukar tugasan dengan pasangan.

1.2.2(iii)
1.3.1
1.6.1
1.8.1



- Sediakan jadual tugasan yang mencukupi untuk setiap murid.
- Minta murid menyemak jawapan tugasan kawan.
- Gunakan contoh di atas untuk membuat tugasan lain.



Nombor siapa lebih besar?

Peserta 3 murid dan 1 pengadil.

Bahan 2 set kad nombor 0 hingga 9.

Peraturan

- 1 Beri setiap pemain dua kad nombor secara rawak.



- 2 Bina nombor dua digit paling besar.



- 3 Pemain yang bina nombor lebih besar dapat lebih markah.



- 4 Catat markah.

Pusingan	Nama	Markah
1	Devi	15
	Isma	10
	Kumar	5
2		
3		

- 5 Ulang langkah 1 hingga 4 sehingga kad habis.

1.2.2(iii)

NOTA GURU

- Sediakan kad nombor yang mencukupi. Tugaskan pengadil untuk memberikan kad nombor kepada pemain serta mengumpulkan kad nombor yang telah digunakan.
- Terapkan nilai murni seperti amanah dan bekerjasama semasa menjalankan aktiviti.
- Beri markah 15, 10 dan 5 untuk susunan nombor yang betul. 0 markah jika salah.